

**Akhiri zaman populis, Putrajaya berdepan realiti perbelanjaan negara  
Malaysian Insider  
Sept 3 , 2013**

**ANALISIS BERITA OLEH THE MALAYSIAN INSIDER**

Mudah bagi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak untuk kekal populis dan mengelakkan daripada bercerita mengenai pemotongan subsidi. Sangat mudah.

Mengapa? Kerana inilah yang dilakukan pemimpin terdahulu untuk dikasihi dan dihormati rakyat.

Kenyataannya, perdana menteri yang sanggup berbelanja di tempat tidak sepatutnya daripada menyelesaikan permasalahan pokok tidak wajar dibiarkan terus berkuasa.

Status kewangan negara yang sedang berdepan krisis, memaksa Najib meninggalkan zon selesanya sebagai populis ke kawasan tidak disenanginya.

Perbelanjaan kerajaan pimpinannya semasa pilihan raya umum lalu mendatangkan beberapa kesan buruk kepada negara.

Pemimpin kerajaan membelanjakan wang rakyat dan menggambarkan ekonomi negara berada pada tahap kukuh adalah omongan kosong.

Pakar ekonomi mengeluarkan amaran berkala bagi menggambarkan keadaan ini. Namun rakyat masih dimanjakan dengan subsidi dan bantuan kewangan mudah kerajaan.

RM25 bilion hingga RM30 bilion dibelanjakan untuk subsidi bagi membolehkan warga Malaysia dan warga asing menikmati harga bahan bakar dan air mentah lebih murah.

Selain tidak menggambarkan realiti ekonomi, subsidi juga dinikmati oleh rakyat dan warga asing yang sememangnya tidak terkesan dengan kenaikan harga barang dan perkhidmatan.

Nelayan Vietnam dan Thailand sebelum ini turut mendapat faedah subsidi diesel akibat nelayan tempatan yang menjual diesel bersubsidi kepada mereka.

Keuntungan Petronas juga mula mengecil dan syarikat petroleum negara itu mengingatkan Putrajaya bahawa mereka tidak lagi mampu menanggung subsidi gas untuk kegunaan industri.

Najib tidak akan mengakui hal ini secara terbuka namun pendapatan negara tidak berada pada tahap yang membanggakan. Oleh sebab itulah kelompok populis kini belajar berdepan realiti.

Sukar bagi rakyat untuk dipisahkan daripada subsidi. Najib diserang pembangkang dan peserta himpunan jalanan malah penyokong Umno sendiri.

Dakwaan mereka ada asasnya.

Kebanyakan mereka ingin mengetahui keadaan negara yang secara tiba-tiba ingin mengecutkan perbelanjaan. Adakah hanya pembayar cukai yang perlu berkorban untuk negara? Mereka percaya kenaikan harga minyak adalah pencetus kepada peningkatan kos sara hidup. Sokongan mereka terhadap Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum lalu

juga rasa tidak dihargai.

Najib tidak mampu menjawab kesemua soalan itu meskipun beliau mencuba. Apa yang perlu dilakukan Najib adalah mengamalkan ketelusan dalam pemberian kontrak dan membuktikan pemotongan subsidi bahan bakar digunakan pada tempat sewajarnya. - 3 September 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/akhiri-zaman-populis-putrajaya-berdep-an-realiti-perbelanjaan-negara>